

dan kepercayaan.”

Saudara-saudara anggota Ikhwan inilah sebahagian daripada ucapan Kiyai Nasir al-Din Latif yang telah diucapkannya di dalam suatu syarahan di Masjid Sultan yang dianjurkan oleh Ikhwan. Iktibarkanlah, wahai saudara-saudara anggota Ikhwan, bagaimana mestinya kita sembahyang, bagaimana mestinya kita menunaikan kewajipan kita sebagai umat Islam tatkala mengadap Tuhan. Pelajarilah makna kata-kata sembahyang itu untuk menguatkan atau menambahkan hati saudara-saudara tatkala menghadap Tuhan, tatkala sujud di hadapan Tuhan, dengan mengerti akan kata-kata itu maka saudara-saudara akan khusyuk menghadap Tuhan yang mengetahui bahawa seseorang hamba Tuhan tidak ada mempunyai sesuatu kekuasaan dan kekuatan. Saudara tidak akan dapat membangkitkan kepala, tidak akan berani membangkitkan Tuhan, tetapi kepada yang lainnya kerana saudara-saudara mempunyai keyakinan kepada Tuhanlah saudara dan sudah tetap saudara sebagai seorang Islam sebagai seorang mukmin yang sujud di hadapan Tuhan akan taat dan menyempurnakan janji saudara hidup di dunia ini bahawa akan memberi pengorbanan untuk menegakkan kalimah Tuhan-tidak ada yang lain daripada itu, tidak ada pecahan-pecahan yang lain daripada itu dan yang saudara harap tidak lain dan tidak bukan ialah keredhaan-Nya. Keredhaan-Nya tidak akan saudara dapat selagi saudara tidak bersedia bekerja menegakkan dan mendirikan kalimah Tuhan di mana saudara berada. Jagalah tanggungjawab dan jagalah pertanyaan-pertanyaan yang akan dihadapkan oleh Tuhan kepada saudara apabila saudara tidak bersedia memberi pengorbanan kerana menegakkan kalimah Tuhan itu.

## KENYATAAN KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA IKHWAN

Pimpinan Ikhwan dari satu ke satu masa berharap mendapat kerjasama dari anggota-anggota Ikhwan. Ikhwan selalu mengadakan ceramah-ceramahnya di Singapura dan untuk memberi peluang kepada saudara-saudara yang di luar Singapura maka kami mengusahakan supaya ceramah-ceramah itu dibukukan.

Ceramah yang pertama yang diucapkan oleh Prof Abdul Kahar Muzakkar telah kami siarkan.

Yang kedua-rialah “Kesedaran” telah kami siarkan tetapi kurang mendapat perhatian.

Yang ketiga ucapan Kiyai Muhammad Arshad Talib Lubis sedang kami usahakan, juga ucapan Kiyai Nasaruddin Latif tentang “rumah tangga” sedang kami usahakan untuk dibukukan.

Bagi satu-satu risalah itu kami tidak meminta bayaran harganya kepada anggota-anggota Ikhwan tetapi kami meminta tiap-tiap seorang menghantarkan setem 10 sen untuk belanja mengirimnya-lainnya tidak.

Tujuannya ialah supaya tiap-tiap anggota Ikhwan mendapat faedah dan manfaatnya dengan tidak berbelanja-selain daripada setem. Pintalah kepada:

IKHWAN,  
358-B. Geylang Rd..  
Singapore 14.